

TYT Hadir

Copy VC

## TEKS UCAPAN

# NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

---

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 18 UTeM**  
**5 NOVEMBER 2022 (SABTU)**  
**(SESI 1 - AM)**

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

**Yang Amat Dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.)  
Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka**

Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan, setinggi-tinggi  
penghargaan dan terima kasih, atas kesudian Tuan Yang Terutama  
Tun Canselor kerana sudi bersama-sama menyempurnakan Majlis  
Konvokesyen UTeM kali ke 18. Serangkap pantun bagi meraikan  
kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Di pantai sana tumbuh berembang,  
Tumpuan jelata mengail baung;  
Tun laksana payung berkembang,  
Tempat kami himpun bernaung.**

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk  
menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad**  
Pro Canselor UTeM

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar**  
Pro Canselor UTeM

**Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan**  
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Ismail bin Hassan**  
Profesor Emeritus UTeM

**Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Husain**  
Penerima Gelaran Profesor Emeritus

**Encik Tan Chun Sheng**  
Penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan

**Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Hj. Amirudin bin Abdul Wahab**  
Penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM,

Dif-Dif Kehormat, Wakil-Wakil Industri, Wakil-Wakil IPTA dan IPTS Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Senat, Ahli Akademik, Pegawai Pengurusan & Profesional, Pegawai Tadbir dan Sokongan, Ibu Bapa serta Para Graduan Yang Dikasihi Sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmat dan kurniaan dariNya jua, maka Majlis Konvokesyen pada kali ini, dapat dijayakan seperti biasa, tetapi dengan lebih gah, meriah dan gilang gemilang. Penularan Pandemik COVID-19 yang semakin pulih, telah memberi ruang terhadap pengajuran untuk diadakan secara besar-besaran bagi Majlis Konvokesyen pada tahun ini.
2. Sesungguhnya, detik bermakna ini menjadi saksi bahawa, setiap pengorbanan dan kegigihan yang telah saudara-saudari curahkan selama ini, telah pun membawa hasil. Saudara dan saudari semua, telah berjaya '**menukar mimpi menjadi realiti**', apabila mengotakan impian dan janji, menjadi graduan yang berguna lagi berintegriti kepada nusa serta pertiwi. Ini membuktikan keupayaan anda semua dalam melonjakkan potensi diri agar terus cemerlang demi masa depan keluarga, masyarakat dan negara. Tahniah dan syabas diucapkan!

Benarlah bagai dipantun,

**Amanah ku galas janji dikotakan,  
Mencapai impian maruah di perkasa;  
Konvokesyen ke-18 UTeM raikan,  
Martabat graduan legasi bangsa.**

**Para Hadirin sekalian,**

3. Untuk makluman semua, Majlis Konvokesyen ke – 18 UTeM berlangsung dalam 6 sesi, selama 3 hari bermula hari ini, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada **3,149 orang** graduan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Doktor Kejuruteraan, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma.
4. Sesi pertama majlis konvokesyen pada kali ini bakal menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Mohd Nor bin Husain, Mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Sesi pada pagi ini turut akan menyaksikan penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Mr. Tan Chun Sheng, Pengurus Besar STMicroelectronics Sdn. Bhd. dan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat kepada Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia.

5. Bukan itu sahaja, sesi pagi ini akan menyaksikan penganugerahan kepada **217 orang graduan** Pasca Siswazah yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Kejuruteraan dan Ijazah Sarjana. Sesi ini juga turut menyaksikan penganugerahan Hadiah Akademik Pelajar Cemerlang kepada **65 orang** graduan yang telah menepati kriteria kecemerlangan seperti mana yang ditetapkan bagi setiap kategori hadiah dan anugerah tersebut.
6. Di samping itu, UTeM juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lebih seratus rakan industri yang sentiasa memberikan sokongan berterusan kepada UTeM dalam memartabatkan lagi kecemerlangan pelajar dan graduan Universiti ini.
7. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan sulung dari **FTMKP yang bergelar hafiz Quran** **Saudara Muhammad Aiman Affandi bin Mat Zaki**, kerana berjaya menamatkan pengajian dalam Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran UTeM dengan kerjasama Darul Quran JAKIM. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Huffaz Profesional .


Atas segala pencapaian itu, marilah kita beri tepukan penghargaan kepada mereka semua!

**Hadirin sekalian,**

8. Bagi mencapai wawasan atau visi sedia ada UTeM iaitu “Menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia”, Universiti sedang di dalam proses untuk menambahbaik pelan strategik dan mewujudkan 5 Teras Strategik atau *5 Strategic Thrusts* (5ST). Berpaksikan kepada aspirasi “**Menjajar universiti, melonjak ke hadapan**”, Universiti akan memberi penekanan terhadap 5 teras yang mampu untuk mengangkat UTeM sebagai sebuah Universiti Teknikal yang mampu untuk mengukir nama di persada antarabangsa.
  - I. Memperkasakan TVET, meluncur kerjaya
  - II. Mempromosikan RICE, menjana pendapatan
  - III. Menjuarai khidmat insani, mengundang kesejahteraan
  - IV. Mencetuskan ekosistem rancak, melestarikan universiti
  - V. Mengembangkan nilai, menggamtit kemakmuran
9. 5 Teras ini telah dirangka dengan teliti dan mengambil kira segala aspek keperluan dan kepentingan, bagi memastikan masa depan universiti terus berdaya saing, relevan, menepati kehendak pemegang taruh dan lebih terserlah di peringkat negara mahupun antarabangsa.
10. Dalam usaha merintis teknologi masa hadapan, UTeM telah membangunkan gerak kerja yang dinamik dan berstrategik, agar

aspek penyelidikan dan inovasi terus makmur serta terkehadapan. Menerusi kepakaran yang dimiliki oleh hampir 800 orang ahli akademik yang berwibawa, pelbagai ciptaan inovasi bercirikan teknologi termaju telah berjaya menjulang pelbagai kejayaan, di pentas kebangsaan mahupun antarabangsa, seperti di Malaysia Technology Expo 2022 apabila UTeM berjaya meraih 7 pingat emas, 6 pingat perak, 2 pingat gangsa dan 1 anugerah khas iaitu *Outstanding Innovation Award*.

### **Sidang Hadirin Sekalian,**

- 
11. UTeM menyahut baik saranan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap pelaksanaan 2022 sebagai Tahun Kebajikan Pelajar. Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi memastikan pelajar-pelajar mendapat bantuan yang sepatutnya dalam memastikan keselesaan dan kemudahan pelajar untuk menjalani pengajian sepanjang berada di UTeM.. Antaranya adalah:
    - I. **Program Anak Emas** kepada 3 orang pelajar sehingga selesai pengajiannya berjumlah RM90,334.00. Tajaan ini adalah kepada 2 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dan 1 orang pelajar Diploma yang berfokus untuk membantu pelajar-pelajar di kalangan B40.
    - II. **Bantuan TUAHCARE: Food@Campus** melibatkan makan minum pelajar asnaf dan B40 bersasar seramai 1,500 orang.

- III. Bantuan bayaran **zakat oleh pihak Tabung Haji** sebanyak RM600,000.00.
- IV. Pemberian **Peranti Siswa Keluarga Malaysia kepada 5,478 orang pelajar UTeM**.
- V. Bantuan keusahawanan pelajar melalui **Bank Rakyat Unipreneur** kepada Pelajar B40 bersasar berjumlah RM107,250.00 dan lain-lain.
12. Bukan itu sahaja, walaupun dengan pelbagai rintangan dan kesukaran yang dihadapi sewaktu proses pemulihan Pandemik, berbekalkan semangat TUAH iaitu **tangkas, unggul, adaptif dan holistik**, siswa dan siswi UTeM kekal mencipta pelbagai kejayaan sama ada dalam pencapaian akademik mahupun bukan akademik, sekali gus menzahirkan aspirasi lapan dimensi TUAH UTeM. Pencapaian cemerlang tersebut, antaranya adalah:

- 
- i. Merangkul 1 pingat emas dan 1 pingat gangsa di MASUM Virtual Arts Tournament,
- i. Pingat Perak dalam acara Bola Sepak dan acara Mendayung 4-Lelaki di Asean University Games 2022
- ii. Merangkul 1 pingat emas dan 1 pingat gangsa di Pertandingan Menimang Bola Sepak Takraw Universiti Tun Hussein Onn,
- iii. Merangkul 1 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 pingat gangsa di 1st Galaxy Invitational Online Taekwondo Championship 2021,

- iv. Pingat Emas dalam acara Merejam Lembing di SUKIPT 2022, dan lain-lain lagi.
13. Lebih membanggakan, menerusi hasil kajian kebolehpasaran graduan 2021, 91% graduan UTeM telah berjaya menarik perhatian para majikan di dalam pelbagai sektor pekerjaan terutamanya syarikat swasta – Multinational Companies dan tempatan. Rekod kecemerlangan ini juga terbukti apabila MDEC menyenaraikan UTeM di tempat ke enam tertinggi sebagai pembekal tenaga kerja mahir profesional bidang digital di negara ini. Tahniah kepada semua warga UTeM!
- Para graduan yang dikasihi,**
14. ‘**Di mana bumi di pijak, di situ langit di junjung**’. Di mana pun anda semua berada, sentiasalah beringat akan asal usul anda. Jangan sesekali melupakan **jasa dan pengorbanan ibu bapa, penjaga, ahli keluarga dan para pensyarah**, kerana berkat doa, dorongan dan pengorbanan mereka semua, yang menjadi antara penyumbang kepada kejayaan anda pada hari ini. Nasihat ikhlas saya, **graduan jangan meninggi diri dengan segulung ijazah yang dicapai. Umpama kata pepatah Melayu, “ikutlah resmi padi, semakin tunduk semakin berisi.”**

15. Sentiasalah menjaga nama baik UTeM. Sesungguhnya anda semua mendokong satu legasi perwira tanah Melaka iaitu **TUAH UTeM**. Kemana pun anda berada, baik di dalam negara maupun nun jauh di perantauan, darah TUAH sentiasa mengalir di dalam sanubari anda semua. Jadilah alumni TUAH UTeM yang sentiasa **berbahasa kepada yang memberi, dan berbudi kepada pihak yang mewadahi.**

**Hadirin dan Hadirat, Para Graduan yang dikasihi sekalian,**

16. Kepada para pensyarah dan warga fakulti, syabas saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi membentuk dan memperkasa kemahiran dan bakat insan yang holistik untuk masa hadapan. Semoga Allah memberi rahmat atas segala usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan dalam menghasilkan graduan yang dinamik, berilmu dan berdaya maju.

17. Semestinya majlis ini dinantikan. Ia menjadi **kenangan terindah buat seluruh para graduan, ibu bapa, dan keluarga. Ada yang datang dari kampung, desa, bandar dan pendalaman. Ada asal usulnya keluarga FELDA, anak petani, ada anak nelayan, hatta anak penoreh getah sekalipun, itu bukan halangan untuk berjaya.**

18. Siapa pun kita,... kaya atau miskin,... itu tidak lagi menjadi ukuran. Kerana, yang penting hari ini,... kami warga UTeM mengadakan majlis ini, **adalah untuk kita sama-sama berkongsi gembira meraikan kejayaan,... terbitnya rasa bangga menyaksikan anak-anak didik kami, ‘menukar mimpi menjadi realiti’,... setelah berjaya menamatkan pengajian mereka masing-masing.**

### **Sekalung tahniah dan syabas kepada graduan UTeM!**

19. Ingatlah walaupun anda telah menamatkan pengajian di UTeM, peluang anda untuk membantu UTeM mencipta kejayaan demi kejayaan masih terbuka luas iaitu menerusi penglibatan dalam Persatuan Alumni UTeM dan sumbangan ikhlas yang berterusan melalui tabung wakaf serta endowmen UTeM bagi merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu di UTeM.

20. Biar di mana sekalipun saudara-saudari berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UTeM di sudut hati anda. Biarlah UTeM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang anda lakukan.

Akhir kata, **kembalilah ke bumi bersejarah Melaka, dan pulanglah ke Kampus berTUAH UTeM. *UTeM is Melaka, Melaka is UTeM.***

**Ini keluarga UTeM kita... *UTeM Myhome.***

**Tiada alasan penat dan jemu,  
Sandaran keluarga tinggi harapan;  
Graduan UTeM insaniah berilmu,  
Berjasa berbakti sepanjang zaman.**

**Tuan Yang Terutama Tun Canselor,**

Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor atas kesudian hadir ke Majlis Konvokesyen UTeM Ke-18. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar erti nya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan *Wabillahitaufik Walhidayah*  
*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

اوینیزرسیتی تیکنیکل مالیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA